



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**TAMBAHAN KEPADA
KETETAPAN UMUM NO. 2/2005**

**PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN
KENA DIBAYAR OLEH INDIVIDU
BERMASTAUTIN**

**TAMBAHAN KEPADA KETETAPAN UMUM
NO. 2/2005**

TARIKH KELUARAN: 6 JULAI 2006



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**TAMBAHAN KEPADA
KETETAPAN UMUM NO. 2/2005**

**PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN
KENA DIBAYAR OLEH INDIVIDU
BERMASTATUTIN**

Tarikh Keluaran: 6 Julai 2006

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu Undang-undang Cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Malaysia**



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA

TAMBAHAN KEPADA
KETETAPAN UMUM NO.2/2005

PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN
KENA DIBAYAR OLEH INDIVIDU
BERMASTAUTIN

Tarikh Keluaran: 6 Julai 2006

**TAMBAHAN KEPADA KETETAPAN UMUM NO. 2/2005:
PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN KENA DIBAYAR
OLEH INDIVIDU BERMASTAUTIN**

1. Tambahan ini memberi penerangan lanjut dan layanan cukai terkini seperti berikut:
 - (a) Potongan suami - seksyen 45A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP); dan
 - (b) Rebat cukai atas bayaran zakat dan fitrah - subseksyen 6A(3) ACP.

2. **Potongan suami - seksyen 45A ACP**
 - (a) Mulai tahun taksiran 2006, pindaan telah dibuat kepada seksyen 45A ACP berhubung dengan potongan suami [*Akta 644 - Akta Kewangan 2005*]. Dengan pindaan ini, jika isteri yang mempunyai jumlah pendapatan ditaksir manakala suami tiada punca pendapatan, isteri tersebut layak mendapat potongan suami mulai tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran seterusnya.

 - (b) Selaras dengan pindaan ACP tersebut, pindaan dibuat kepada Ketetapan Umum No.2/2005 yang akan berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran seterusnya seperti berikut :
 - (i) dengan menggantikan perenggan 6.1.12 dengan perenggan yang berikut :

"Suami - sek. 45A ACP
Jumlah potongan: RM3,000. Potongan tambahan RM3,500 mulai T/T 2005 dan RM2,500 sebelum T/T 2005.

Huraian:

 - i. Potongan ini diberikan kepada isteri -
 - a. jika suami tiada punca pendapatan;
 - b. jika suami memilih untuk ditaksir bersama isteri dan cukai ditaksir atas nama isteri; atau
 - c. jika suami tiada jumlah pendapatan.
 - ii. Potongan tambahan diberi jika suami hilang upaya.
 - iii. Potongan hanya layak dituntut oleh seorang isteri sahaja.";

 - (ii) dengan menggantikan perenggan 7.6.14 dengan perenggan yang berikut:

"Mengikut peruntukan ACP, isteri dalam kategori ini layak mendapat potongan suami."



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**TAMBAHAN KEPADA
KETETAPAN UMUM NO.2/2005**

**PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN
KENA DIBAYAR OLEH INDIVIDU
BERMASTAUTIN**

Tarikh Keluaran: 6 Julai 2006

3. Rebat cukai atas bayaran zakat atau fitrah - subsekyen 6A(3) ACP

- (a) Dalam Ketetapan Umum No.2/2005, Ketua Pengarah telah membenarkan secara amalan rebat cukai atas bayaran zakat atau fitrah dalam keadaan yang berikut:
- (i) Rebat cukai atas bayaran zakat atau fitrah yang dibenarkan kepada suami atau isteri yang memilih taksiran bersama (seperti diterangkan dalam subperenggan 8.3.4 (iii) dan Contoh 42 dalam Ketetapan Umum No.2/2005); dan
 - (ii) Rebat cukai atas bayaran zakat atau fitrah yang dibayar oleh isteri yang tidak bekerja dan tidak mempunyai apa-apa punca pendapatan atau tiada jumlah pendapatan (seperti diterangkan dalam subperenggan 8.3.4 (iv) dan Contoh 39 dalam Ketetapan Umum No.2/2005).
- (b) Berikutan dengan satu semakan semula ke atas layanan cukai secara amalan ini, adalah dimaklumkan bahawa layanan cukai yang diberi ke atas keadaan-keadaan di atas tidak lagi terpakai mulai dari tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran seterusnya.
- (c) Selaras dengan perenggan 3(b) di atas, pindaan dibuat kepada Ketetapan Umum No.2/2005 yang berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran seterusnya seperti berikut:
- (i) dengan menggantikan subperenggan 8.3.4 (iii) dengan subperenggan yang berikut :

"Mengikut peruntukan ACP, jika -

 - isteri memilih taksiran bersama atas nama suami; atau
 - suami memilih taksiran bersama atas nama isteri,

hanya suami atau isteri yang ditaksir sahaja layak mendapat rebat cukai bagi zakat yang dibayar olehnya. Dengan itu, zakat yang dibayar oleh isteri atau suami yang memilih taksiran bersama tidak layak mendapat potongan rebat zakat terhadap jumlah cukai dikenakan atas pasangan yang ditaksir.";
 - (ii) dengan menggantikan subperenggan 8.3.4 (iv) dengan subperenggan yang berikut :

"Mengikut peruntukan ACP, zakat yang dibayar oleh isteri yang tidak bekerja dan tidak mempunyai apa-apa punca pendapatan atau tiada jumlah pendapatan tidak boleh diberi potongan rebat zakat terhadap jumlah cukai dikenakan atas suami.";
 - (iii) dengan menggantikan Contoh 39 dengan Contoh yang berikut:



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA

TAMBAHAN KEPADA
KETETAPAN UMUM NO.2/2005

PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN
KENA DIBAYAR OLEH INDIVIDU
BERMASTAUTIN

Tarikh Keluaran: 6 Julai 2006

Contoh 39 - rebat zakat dalam kes pasangan tiada punca pendapatan
Isa dan isteri bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2006. Isa mempunyai jumlah pendapatan berjumlah RM65,000 bagi tahun berakhir 31.12.2006 manakala isteri beliau tidak bekerja. Isa dan isteri membayar zakat seperti berikut:

	RM
Isa	1,500
Isteri	1,000

Cukai pendapatan kena dibayar untuk tahun taksiran 2006 adalah:

	RM	RM
Jumlah pendapatan		65,000
Tolak: potongan		
Diri dan saudara tanggungan	8,000	
Isteri	<u>3,000</u>	<u>11,000</u>
Pendapatan bercukai		<u>54,000</u>
Cukai atas 50,000 yang pertama		3475.00
Cukai atas baki 4,000 X 19%		<u>760.00</u>
Jumlah cukai pendapatan dikenakan		4,235.00
Tolak: rebat cukai		
Zakat - subseksyen 6A (3) ACP ¹		<u>1,500.00</u>
Cukai pendapatan kena dibayar		<u>2,735.00</u>

¹Zakat yang dibayar oleh isteri tidak diberi potongan rebat zakat terhadap jumlah pendapatan yang dikenakan atas suami.

(iv) dengan menggantikan Contoh 42 dengan Contoh yang berikut:

Contoh 42 - rebat zakat dalam kes taksiran bersama

Mustaffa dan isterinya bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2006. Isteri Mustaffa mempunyai jumlah pendapatan dan memilih taksiran bersama dengan suami. Mereka mempunyai jumlah pendapatan dan membayar zakat seperti berikut bagi tahun asas 2006:

	Mustaffa (RM)	Isteri (RM)
Jumlah pendapatan	30,000	10,000
Zakat	500	100



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**TAMBAHAN KEPADA
KETETAPAN UMUM NO.2/2005**

**PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN
KENA DIBAYAR OLEH INDIVIDU
BERMASTAUTIN**

Tarikh Keluaran: 6 Julai 2006

Pengiraan potongan rebat zakat dan cukai pendapatan kena dibayar untuk tahun taksiran 2006 adalah:

	Mustafa (RM)
<i>Jumlah pendapatan</i>	<i>30,000</i>
<i>Campur: Jumlah pendapatan isteri</i>	<i><u>10,000</u></i>
<i>Agregat jumlah pendapatan - per. 45(2)(a) ACP</i>	<i>40,000</i>
<i>Tolak: potongan</i>	
<i>Diri dan saudara tanggungan</i>	<i>8,000</i>
<i>Isteri</i>	<i><u>3,000</u></i>
	<i><u>11,000</u></i>
<i>Pendapatan bercukai</i>	<i><u>29,000</u></i>
<i>Cukai atas 20,000</i>	<i>475.00</i>
<i>Cukai atas baki 9,000 X 7%</i>	<i><u>630.00</u></i>
<i>Jumlah cukai pendapatan dikenakan</i>	<i>1,105.00</i>
<i>Tolak: rebat cukai</i>	
<i>Diri - per. 6A(2)(a) ACP</i>	<i>350.00</i>
<i>Isteri - per. 6A(2)(b) ACP</i>	<i>350.00</i>
<i>Rebat zakat ¹</i>	<i><u>500.00</u></i>
	<i>1,200.00 ² Dihadkan kepada</i>
<i><u>1,105.00</u></i>	
<i>Cukai pendapatan kena dibayar</i>	<i><u>Tiada</u></i>

¹ Zakat yang dibayar oleh isteri tidak diberi potongan rebat zakat terhadap cukai yang dikenakan atas suami.

² Jumlah rebat cukai yang boleh dibenarkan sebagai potongan adalah dihadkan kepada cukai pendapatan dikenakan - subsek. 6A(4)ACP.

**Ketua Pengarah
Hasil Dalam Negeri Malaysia**
Tarikh: 6 Julai 2006